

Terma dan Syarat Kempen Seluruh Kad Dengan Ganjaran Berganda

Tempoh Kempen

1. Kempen Seluruh Kad dengan Ganjaran Berganda Hong Leong Bank (“HLB”) (“Kempen ini”) bermula dari 1 Mac 2019 dan berakhir pada 30 Jun 2019, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

Kelayakan

2. Kempen ini terbuka untuk disertai Pemegang Utama Baharu-kepada-Kad (“NTC”) yang semasa Tempoh Kempen memohon kad kredit HLB serta berikut (“Kad Layak”) dan berjaya diberikan Kad Layak berkenaan selewat-lewatnya 31 Julai 2019 (“Pemegang Kad”).

| Jenis permohonan 2 kad | 2 kad utama Pilih mana-mana 2 daripada Kad Layak ini | Kad Utama + Kad Tambahan Pilih mana-mana 1 Kad Layak ini |
|---------------------------|---|--|
| Kad Layak | <ul style="list-style-type: none"> • Infinite P • Infinite • Infinite Doctor’s Edition • Platinum Business • Sutera Platinum | <ul style="list-style-type: none"> • WISE Platinum/ Gold • Gold • Essential • I’m • Air Asia Platinum/ Gold • GSC Platinum/ Gold • The Store Platinum/ Gold • Pacific Platinum/ Gold |

Perhatian: Pemegang Kad NTC bermaksud pemegang kad baharu yang tidak memegang sebarang Kad Kredit Utama HLB sedia ada (termasuk) atau permohonan semula mereka untuk Kad Layak diluluskan oleh HLB pada bila-bila masa selepas dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan Kad Kredit HLB sedia ada mereka.

3. Golongan berikut ini tidak dianggap Pemegang Kad NTC dan **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
 - a) Pemegang Kad Utama sedia ada bagi mana-mana Kad Kredit HLB;
 - b) Pemegang Kad yang tidak lagi memegang mana-mana Kad Kredit HLB sah dan/atau akaun Kad Kredit mereka tertunggak (culas);
 - c) Pemegang kad yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit HLB baharu sebagai Pemegang Kad Utama dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut; dan
 - d) Pemegang kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

Kaedah Kempen

4. Pemegang Kad adalah layak menikmati tawaran berikut (“secara kolektif disebut di dalam ini sebagai Tawaran”) dengan syarat kriteria yang ditetapkan di dalam ini dipenuhi (“Pemegang Kad Layak”):
 - a) **Pengecualian Fi Tahunan tahun pertama**
 - (i) Pemegang Kad Layak yang dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit (“seperti ditakrif di dalam ini di fasal 5”) bagi setiap Kad Layak yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini akan berhak menikmati pengecualian fi tahunan tahun pertama bagi setiap Kad Layak.

- (ii) Pengecualian fi tahunan bagi tahun-tahun berikutnya adalah tertakluk kepada terma dan syarat pengecualian fi tahunan sedia ada. Untuk butiran lanjut, rujuk kepada halaman produk berkenaan di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB").

b) Hadiah Alu-aluan

- (i) Pemegang Kad Layak yang melakukan Perbelanjaan Runcit terkumpul seperti tertera dalam jadual di bawah ini dalam masa empat puluh lima (45) hari tarikh kelulusan Kad Layak menggunakan Kad Layak yang dikeluarkan di bawah Kempen ini adalah berhak menerima satu (1) unit beg bagasi Universal Traveller + RM50 Pulangan Tunai ("Hadiah Alu-aluan").
- (ii) Sebanyak 3,500 unit Hadiah Alu-aluan (kumpulan Pulangan Tunai dihadkan setakat RM175,000) diperuntukkan bagi Kempen ini dan akan diberi kepada Pemegang Kad Layak atas dasar siapa cepat dia dapat.

| Beg bagasi Universal Traveller | Saiz | Kuantiti | Syarat Perbelanjaan Runcit terkumpul dalam masa 45 hari dari tarikh kelulusan Kad Layak |
|--------------------------------|-------------|------------|---|
| 3-dalam-1 | 28"+24"+20" | 500 unit | RM1,000 |
| Kabin | 20" | 3,000 unit | RM500 |

- (iii) Bagi mengelakkan keraguan dan tertakluk kepada ketersediaan Hadiah Alu-aluan, Pemegang Kad Layak yang memenuhi syarat Perbelanjaan Runcit terkumpul RM1,000 dalam masa yang ditetapkan di bawah 4b(i) di atas, adalah layak menerima satu (1) unit Hadiah Alu-aluan berupa beg bagasi 3-dalam-1 + RM50 Pulangan Tunai. Sekiranya stok Hadiah Alu-aluan beg bagasi 3-dalam-1 kehabisan, maka Pemegang Kad Layak akan diberi satu unit Hadiah Alu-aluan Beg Bagasi Kabin + RM50 Pulangan Tunai dan kedua-dua jenis beg bagasi adalah tertakluk kepada ketersediaan stok.
- (iv) Pemegang Kad Layak akan diberi kod promo yang unik melalui "SMS" (khidmat pesanan ringkas bagi menebus Hadiah Alu-aluan ("Kod Promo"). Penebusan Hadiah Alu-aluan adalah melalui laman web www.universaltraveller.com.my ("laman web penebusan") dengan pilihan untuk memilih warna, tertakluk kepada ketersediaan. Tempoh sah Kod Promo adalah tiga (3) bulan dari tarikh terbitan Kod Promo. Kod Promo akan ditetapkan khas bagi barangan yang layak ditebus.
- (v) Kod Promo akan dihantar melalui SMS kepada nombor telefon bimbit Pemegang Kad Layak yang diberi oleh Pemegang Kad Layak dan yang tercatat dalam rekod HLB. Kod Promo akan diterbitkan dalam masa empat (4) hingga lapan (8) minggu selepas 31 Julai 2019.
- (vi) Apabila sahaja Kod Promo itu ditebus, maka Pemegang Kad Layak dianggap telah menebus sebagai pihak pertama dan sebarang pertikaian dan/atau rayuan tidak akan dilayani HLB.
- (vii) Setiap Pemegang Kad Layak hanya berhak mendapat satu (1) unit Hadiah Alu-aluan sepanjang Tempoh Kempen, tanpa mengira bilangan Kad Layak yang dimohon dan diluluskan di bawah Kempen ini.
- (viii) Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun kad Utama Pemegang Kad Layak dalam masa empat (4) hingga lapan (8) minggu selepas 31 Julai 2019 dan Pulangan Tunai ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, juga tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan.
- (ix) HLB tidak berkewajipan memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya Hadiah Alu-aluan telah mencecah peruntukan maksimum semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.

5. Perbelanjaan Runcit adalah berdasarkan kriteria berikut:

- a) Hendaklah meliputi pembelian runcit dan pembelian dalam talian, arahan tetap, Pelan Bayaran Mudah 0% Faedah (EPP) dan Pelan Ansuran Faedah Sifar (ZIIP) yang urus niaganya dibuat dalam negara dan luar negara.
 - b) Hendaklah meliputi pendahuluan tunai, Pindahan Baki (BT), Cash-on-Call (COC), Call-for-Cash (CFC), Pelan Bayaran Fleksi (FPP), pindahan dana, fi dan caj yang dikenakan oleh HLB.
 - c) Perbelanjaan Runcit Terkumpul yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan di bawah akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak yang sama akan dimasukkan dalam pengiraan Perbelanjaan Runcit terkumpul Pemegang Kad Layak.
6. Kempen ini tidak sah dan tidak terpakai bersama mana-mana promosi HLB yang sedang berlangsung melainkan dinyatakan sebaliknya.
 7. Pemegang Kad Layak akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemegang Kad Layak (nama dan ID terlindung) yang berhak mendapat Hadiah Alu-aluan di laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB"). Pemegang Kad Layak dikehendaki mengakses Laman Web HLB mulai Julai 2019 pada setiap bulan untuk menyemak kelayakan menerima Hadiah Alu-aluan.
 8. Hadiah Alu-aluan akan disediakan atas dasar "Sebagaimana Ada". Visual Hadiah Alu-aluan dipaparkan dalam bahan bercetak dan/atau laman web adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Visual sedemikian mungkin tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar Hadiah Alu-aluan itu dan tidak termasuk apa-apa aksesori tambahan.
 9. Sekiranya Pemegang Kad Layak dalam senarai tidak menerima Kod Promo dan/atau Pulangan Tunai, adalah menjadi tanggungjawab Pemegang Kad Layak untuk memberitahu HLB melalui surat tidak lewat daripada 30 September 2019, jika tidak, HLB tidak akan dipertanggungjawabkan sama sekali jika Pemegang Kad Layak tidak ada menerima Kod Promo itu dan/atau Pemegang Kad Layak itu dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang rayuan untuk mendapatkan bayaran ganti bagi Pulangan Tunai tersebut tidak akan dilayani.
 10. Sekiranya Pemegang Kad Layak telah membuat penebusan atas Kod Promo itu tetapi masih belum menerima Hadiah Alu-aluan, Pemegang Kad Layak hendaklah berhubung dengan Universal Traveller ("Peniaga") tanpa bantuan HLB.
 11. Tertakluk kepada terma dan syarat peniaga, dan pihak Peniaga berhak meminda terma dan syarat pada bila-bila masa.
 12. HLB tidak membuat sebarang representasi atau waranti berkenaan kualiti Hadiah Alu-aluan dan tidak bertanggungjawab mengganti Hadiah Alu-aluan yang hilang, dicuri atau cacat (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja oleh syarikat pembuat di bawah waranti atau tidak). Pemegang Kad Layak hendaklah mengurus secara langsung dengan syarikat pembuat berhubung maklumat waranti tersebut atau tuntutan tanpa bantuan HLB.
 13. HLB tidaklah bertanggungjawab terhadap sebarang kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemegang Kad Layak kerana menebus Hadiah Alu-aluan.

Umum

1. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad:

- a) Bersetuju bahawa mereka telah membaca dan memahami terma dan syarat di dalam ini dan bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat di dalam ini;
 - b) Bersetuju bahawa segala rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakamkan oleh sistem HLB dalam masa Tempoh Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
 - c) Bersetuju bahawa keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak dan sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat tidak akan dilayani;
 - d) Bersetuju bahawa sebarang pembalikan transaksi tidak akan diambil kira;
 - e) Bersetuju bahawa Tawaran-tawaran tersebut tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
 - f) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat Kempen ini dan memastikan mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan terma dan syarat tersebut;
 - g) Memberi keizinan kepada HLB untuk mendedahkan butiran peribadi mereka kepada M3Tech dan/atau pihak penyedia berkenaan bagi tujuan memenuhi syarat-syarat Kempen; dan
 - h) Bersetuju untuk menyiarkan dan memaparkan foto, nama dan nombor Kad Pengenalan mereka (dalam bentuk terlindung) dalam media, pemasaran, pengiklanan atau laman web HLB bagi tujuan Kempen ini
2. HLB berhak:
- a) Menolak atas budi bicara mutlakanya sebarang permohonan kad kredit yang diserahkan tanpa memberikan sebarang sebab;
 - b) Menentukan apa transaksi yang dianggap Perbelanjaan Runcit;
 - c) Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad atas budi bicara mutlakanya daripada menyertai Kempen ini;
 - d) Melupakan mana-mana atau kesemua Tawaran sekiranya terma dan syarat di dalam ini tidak dipatuhi;
 - e) Menggantikan Hadiah Alu-aluan dengan hadiah lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlakanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad; dan
 - f) Menambah, menggugurkan atau meminda terma dan syarat di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, atas budi bicara mutlakanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad tentang penambahan, pengguguran atau pemindaan terma dan syarat atau penamatan Kempen ini.
3. Sebarang permintaan supaya Hadiah dihantar dan/atau dipindah kepada nombor telefon bimbit yang lain tidak akan dilayani.
4. Visual Hadiah Alu-aluan yang dipaparkan dalam sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi dan mungkin tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar Hadiah dan tidak termasuk sebarang aksesori tambahan.
5. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan permohonan kad kredit dan/atau transaksi jualan oleh Visa international Incorporated, MasterCard Worldwide, American Express, perkhidmatan pos organisasi-organisasi Peniaga, penyedia

khidmat pos atau mana-mana pihak yang menyebabkan Pemegang Kad tertinggal daripada menyertai Kempen ini.

6. Akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak mestilah sah/aktif, berkedudukan baik dan mestilah tidak melanggar mana-mana terma dan syarat Kempen ini dan/atau Perjanjian Pemegang Kad HLB pada masa pemberian Hadiah Alu-aluan.
7. Terma dan syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
8. Di samping terma-terma yang ditetapkan di atas ini, Pemegang Kad Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad HLB hendaklah dibaca bersama-sama terma dan syarat di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dengan Perjanjian Pemegang Kad, maka terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
9. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini berbanding bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web HLB hendaklah diutamakan.